



# PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI JOHOR

ARAS 1 & 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK

KOTA ISKANDAR 79503 ISKANDARPUTERI

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor bagi jawatan berikut :-

### 1. PEMBANTU JURUAUDIT GRED W1

**Klasifikasi Perkhidmatan** : **Kewangan (W)**

**Kumpulan Perkhidmatan** : **Pelaksana**

**Taraf Jawatan** : **Kontrak**

**Kekosongan** : **Satu (1)**

**Jadual Gaji** :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

### SYARAT LANTIKAN PEMBANTU JURUAUDIT GRED W1 :

- a. Warganegara Malaysia
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W1 : RM1,500.00); atau
  - ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W1 : RM1,561.00); atau

- iii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W1 : RM1,561.00); atau
- iv. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W1 : RM1,622.00); atau
- v. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W1 : RM1,622.00).

#### **SYARAT KELAYAKAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) / SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA (SVM) :**

##### **d. Kelayakan SPM**

- i. Lulus dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; atau
- ii. Lulus dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

##### **e. Kelayakan SVM**

- i. Memiliki Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) sekurang-kurangnya Gred C; dan
- ii. Kelayakan SVM dalam bidang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan pengauditan secara profesional, mengesahkan penyata kewangan, mengeluarkan sijil audit dan laporan berkaitannya, menyediakan laporan audit yang berkualiti, timely dan seimbang, menguruskan aktiviti pengauditan dengan cekap dan berkesan serta memberi khidmat nasihat, memenuhi keperluan dan harapan stakeholders.

## **2. PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1**

**Klasifikasi Perkhidmatan** : **Kemahiran (H)**

**Kumpulan Perkhidmatan** : **Pelaksana**

**Taraf Jawatan** : **Kontrak**

**Kekosongan** : **Satu (1)**

**Jadual Gaji** :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

### **SYARAT LANTIKAN PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1 :**

- a. Lelaki dan Warganegara Malaysia
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau
  - ii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau
  - iii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00); atau
  - iv. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,662.00).
  - v. Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(b)).

**Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/ Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat)**

- d. i. Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
- ii. Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
- iii. Bagi tugas memandu enjin sangkut/ motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
- iv. Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
- v. Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **DESKRIPSI TUGAS**

- i. Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan / jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan / jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van. Kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori dumper, roller dan tractor pertanian.
- ii. Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis.
- iii. Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan kerajaan iaitu memasang, membaik pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/jentera/peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.
- iv. Melaksanakan tugas - tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

### **3. PERSONEL MYSTEP**

<b>Tempoh Lantikan</b>	:	<b>Tarikh Mula sehingga 31 Disember 2025</b>
<b>Kekosongan</b>	:	<b>Tiga (3)</b>
<b>Jadual Upah</b>	:	<b>RM 1,700.00</b>

### **SYARAT LANTIKAN PERSONEL MYSTEP :**

- a. Warganegara Malaysia
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
  - i. Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
  - ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### 4. CARA MEMBUAT PERMOHONAN :-

1. Permohonan hendaklah dilakukan secara “**online**” melalui laman sesawang <https://jawatan.johor.gov.my/>
2. Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab A Bil. 21 dan memastikan Laporan Penilaian Prestasi dan Penyata Perkhidmatan yang telah kemaskini dan terkini disertakan bersama-sama
3. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran pasport dan **SALINAN DIAKUI SAH** bagi dokumen-dokumen berikut:-
  - 3.1 Kad Pengenalan
  - 3.2 Lesen Memandu Kenderaan  
(Bagi Permohonan Jawatan Pembantu Khidmat Am Gred H1)
  - 3.3 Sijil Kelahiran
  - 3.4 Sijil Persekolahan/Diploma/Ijazah/Berhenti Sekolah
  - 3.6 Sijil Sekolah Agama Kerajaan Johor/Darjah Khas Agama
  - 3.6 Salinan Sijil Akademik dan lain-lain kelayakan yang berkaitan
  - 3.7 Gambar Berukuran Pasport Terkini (1 keping – tampal di borang permohonan)

**TARIKH BUKA PERMOHONAN : 14 FEBRUARI 2025 JUMAAT 09.00 PAGI**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 27 FEBRUARI 2025 KHAMIS 11.59 MALAM**

#### **PERHATIAN :**

- (i) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima atau tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN ATAU DITOLAK.**
- (ii) Hanya calon yang dipilih dalam penyaringan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- (iii) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **Enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA.**
- (iv) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga (jika berkenaan) adalah menjadi tanggungjawab pemohon sendiri.